




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **50 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **58,511 kes**. Tiada kes kematian direkodkan hari ini.
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 73 menjadikan jumlah kumulatif 57,246 orang. Seramai 649 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 231 orang di hospital dan 418 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 31 orang dan 15 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Penampang bertukar dari zon jingga ke zon merah.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah sembilan (9) daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Kuning sembilan (9) daerah
- Zon Hijau tujuh (7) daerah

5 **Tiada kluster baharu** direkodkan hari ini.

6 Daripada 50 kes positif COVID-19, sebanyak 26 kes (52%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 12 kes (24%) saringan bergejala, sembilan (9) kes (18%) dari kluster sedia ada serta tiga (3) kes (6%) dari lain-lain kategori.

- 7 Jumlah kapasiti katil 3,981 unit
- Hospital 551 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,910 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 520 unit.
- Peratus penggunaan katil 16.3%.

B PKPD SEKOLAH MENENGAH UGAMA (SMU) PANTAI MANIS, PAPAR

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan peningkatan kes COVID-19 di SMU Pantai Manis, Papar.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 441 ujian saringan dan daripada jumlah itu, 16 orang didapati positif COVID-19.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di SMU Pantai Manis, Papar bermula 7 Mei sehingga 20 Mei 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan saringan secara bersasar ke atas semua yang terlibat dan seterusnya mengekang penularan jangkitan COVID-19 ke komuniti luar.

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat ini bagi Fasa 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **309** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **55,403** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin, seramai **228** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **49,162** orang.
- 3 Bagi Fasa 2 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **1,574** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **18.484** orang.

- 4 Bagi Dos 2 vaksin Fasa 2, tiada yang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **satu (1)** orang.
- 5 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **2,362** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **471,680** (mysejahtera 417,044 : laman web 54,386 : talian vaksinasi 250) bersamaan 16.1%.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **319,245** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 39 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 10,076 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 41 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 63 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 10 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Tiga (3) orang : Tidak memakai pelitup muka
 - Tujuh (7) orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 80 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 36 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.

- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 266 lokasi melibatkan seramai 128 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 54 anggota di 63 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di empat (4) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu Kota Kinabalu, Kinabatangan dan Sandakan.
- 7 Sejumlah 57 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 12 daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 248 hebahan di seluruh sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kudat	98%
2	Beluran	98%
3	Tenom	98%
4	Kota Marudu	98%
5	Beaufort	98%
6	Sipitang	98%
7	Sandakan	97.5%
8	Tuaran	97.5%
9	Ranau	97.5%
10	Kinabatangan	97.5%
11	Papar	97%
12	Semporna	97%
13	Keningau	97%
14	Kota Belud	97%
15	Lahad Datu	97%
16	Kota Kinabalu	97%
17	Kunak	97%
18	Penampang	97%
19	Tawau	96%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II

05 MEI 2021